

'Terma penyelesaian sudah dimaklum kepada Tun M'

Mahkamah membatalkan tuntutan plaintif tanpa kebebasan untuk memfailkan kes semula

Kuala Lumpur: Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun, semalam berkata beliau sudah memaklumkan Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai terma penyelesaian berkaitan saman difailkan Tan Sri Mohamed Apandi Ali terhadap bekas perdana menteri itu dan kerajaan Malaysia.

Beliau berkata, berikutan penyelesaian itu, plaintif iaitu Mohamed Apandi menarik balik tindakan undang-undangnya berhubung penamatan kontraknya sebagai Peguam Negara

Idrus berkata, mahkamah kemudiannya membatalkan tuntutan plaintif tanpa kebebasan un-

tuk memfailkan semula.

"Saya hanya boleh mengesahkan bahawa Tun (Dr Mahathir) menulis baru-baru ini untuk mendapatkan maklumat mengenai syarat penyelesaian.

"Saya sudah menjawab untuk memaklumkan kepadanya syarat penyelesaian," katanya kepada *BERNAMA* menerusi WhatsApp ketika diminta mengulas mengenai perkara itu.

Kelmarin, Dr Mahathir, menerusi hantaran di laman Facebooknya melahirkan rasa terkejut dan tidak bersetuju dengan cara kes saman itu yang diselesaikan di luar mahkamah dan

Saya hanya boleh mengesahkan bahawa Tun (Dr Mahathir) menulis baru-baru ini untuk mendapatkan maklumat mengenai syarat penyelesaian

*Idrus Harun,
Peguam Negara*

mendakwa beliau tidak dimaklumkan mengenai terma penyelesaian walaupun menjadi saksi utama dalam kes berkenaan.

"Saya menulis kepada Peguam Negara (Idrus). Saya berasa kerajaan tidak sepatutnya tunduk memandangkan tindakan penamatan perkhidmatan Mohamed Apandi mengikut semua urusan dan kuasa yang ada pada kerajaan.

"Semasa saya beri keterangan kepada pihak Peguam Negara bagi persediaan kes saman Mohamed Apandi terhadap saya, saya telah dimaklum bahawa proses penamatan perkhidma-

tan itu betul dan mengikut prosedur dan *Rule of Law*," katanya.

Ahli Parlimen Langkawi itu turut membangkitkan persoalan sama ada pampasan perlu dibayar jika tindakan penamatan perkhidmatan Mohamed Apandi dibuat mengikut undang-undang.

Beliau juga mempersoalkan mengapa terma penyelesaian itu dirahsiakan kerana rakyat berhak mengetahuinya lebih-lebih lagi jika ianya membabitkan pampasan.

Dr Mahathir juga menegaskan tidak mengaku bersalah dan bersedia untuk tuntutan Mohamed Apandi diadili di mahkamah.

Pada 13 April lalu, Mahkamah Tinggi di sini membatalkan saman itu selepas kerajaan bersetuju untuk menyelesaikan kes terbabit tanpa sebarang pengakuan liabiliti dan terma-terma penyelesaian tidak boleh didekahkan.

Mahkamah sebelum ini menetapkan 18, 20, 21 dan 22 April 2022 untuk perbicaraan kes saman terbabit. **BERNAMA**

